



## Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera**

16 Mei 2017

### **JABATAN MUFTI NEGERI SELANGOR BERI STATUS HARUS UNTUK PELABURAN PNB DAN ASNB BERDASARKAN MAQASID SYARIAH**

**KUALA LUMPUR:-** Jabatan Mufti Negeri Selangor melalui laman web rasminya [www.muftiselangor.gov.my](http://www.muftiselangor.gov.my) pada 15 Mei 2017 memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke-3/2017 yang bersidang pada 27 April 2017 bersamaan 30 Rajab 1438H telah memutuskan bahawa hukum pelaburan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah harus.

Selari dengan perkembangan berkenaan, Pengerusi Kumpulan PNB Tan Sri Abdul Wahid Omar mengucapkan terima kasih kepada Dato' Setia Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. "Alhamdulillah dan terima kasih kepada Sahibus Samahah Dato' Setia Mufti dan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor di atas keputusan Fatwa Harus pelaburan dalam unit-unit amanah ASNB ini," kata beliau.

Perkembangan ini adalah selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia tahun 2008 yang memutuskan pelaburan unit amanah ASNB beserta dividen dan bonus yang diperoleh adalah harus. Selain Selangor, negeri-negeri lain yang turut mengharuskan pelaburan ASNB meliputi Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah meminta PNB untuk meneruskan usaha-usaha penambahbaikan bagi memastikan pelaburan tersebut menepati syarak sepenuhnya. Keharusan hukum pelaburan ini akan dikaji semula selepas 3 tahun dengan sekurang-kurangnya peratusan pelaburan patuh syarak melebihi 75%.

"In shaa Allah, PNB akan menyahut ketetapan berkenaan dan terus berusaha meningkatkan tahap patuh Syariah pelaburannya dari semasa ke semasa. Dengan keputusan ini, saya percaya para pelabur di negeri Selangor kini lebih yakin dengan hukum pelaburan dalam unit-unit amanah ASNB dan diharap dapat menggalakkan mereka untuk meningkatkan pelaburan masing-masing," ulas Tan Sri Abdul Wahid Omar lagi.

Dikeluarkan oleh:

**PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Encik Aziz Anuar**

**Naib Presiden Kanan**

**Bahagian Hal Ehwal Korporat & Komunikasi**

**Tel: +603- 2050 5810 | E-mail: [aziz\\_a@pnb.com.my](mailto:aziz_a@pnb.com.my)**